

MAJLIS DAERAH TANGKAK

UNDANG – UNDANG KECIL PENGAWALAN DAN PENGAWASAN TEMPAT-TEMPAT MAKAN

UNDANG – UNDANG KECIL	NO / TARIKH WARTA	TARIKH KUATKUASA
Undang – Undang Kecil Pengawalan Dan Pengawasan Tempat-Tempat Makan (MDT)	J.P.U. 59 (B.I) – 2017 J.P.U. 59 (B.M) – 2017	2017

J. P.U. 59.

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

UNDANG-UNDANG KECIL PENGAWALAN DAN PENGAWASAN
TEMPAT-TEMPAT MAKAN
(MAJLIS DAERAH TANGKAK) 2017

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen-seksyen 73 dan 102A Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171], Majlis Daerah Tangkak dengan ini membuat dan menurut Seksyen 103, Akta tersebut Yang Dipertua Majlis Daerah Tangkak mengesahkan Undang-undang Kecil yang berikut:

BAHAGIAN I
PENDAHULUAN**Nama, pemakaian dan permulaan berkuat kuasa**

1. (1) Undang-undang Kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-undang Kecil Pengawalan dan Pengawasan Tempat-Tempat Makan (Majlis Daerah Tangkak) 2017** dan hendaklah dipakai hanya bagi kawasan Majlis Daerah Tangkak.

(2) Undang-undang Kecil ini hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh ia disiarkan dalam *Warta*.

Tafsiran

2. Dalam Undang-undang Kecil ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“daging” ertinya daging apa-apa binatang yang disembelih yang akan digunakan untuk makanan manusia samada yang baru atau disediakan secara pembekuan, penyejukan, awetan, pemasan atau dengan apa jua proses:

“Yang Dipertua” ertinya Yang Dipertua Majlis Daerah Tangkak;

“Majlis” ertinya Majlis Daerah Tangkak;

“Makanan” ertinya termasuklah tiap-tiap satu benda yang digunakan untuk makanan atau minuman oleh manusia atau yang dimasukkan ke dalam atau yang digunakan di dalam komposisi atau penyediaan apa-apa benda sedemikian dan termasuklah juga bahan pewarna dan perasa dan rempah-rempah tetapi tidak termasuk—

(a) benda atau bahan yang digunakan sebagai dadah sahaja;

(b) binatang atau burung yang hidup; atau

(c) foder atau bhan-bahan makanan binatang, burung atau ikan;

“Susu” termasuklah krim atau apa-apa cecair yang dinyatakan sebagai susu atau krim yang dimaksudkan untuk jualan bagi penggunaan manusia atau untuk kegunaan di dalam pengeluaran hasil-hasil untuk jualan bagi penggunaan manusia;

“tempat makan” ertinya mana-mana tempat dimana makanan disediakan, dikeluarkan, dibungkus, ditin, disimpan, dijual atau didedahkan untuk jualan bagi penggunaan manusia;

"tenusu" termasuklah mana-mana ladang, kandang lembu, kandang kambing, stor susu atau kedai susu atau tempat lain dimana susu disimpan atau dari mana ianya dibekal untuk jualan, dan dalam keadaan dimana penjual susu tidak menduduki mana-mana premis untuk jualan susu, termasuk tempat di mana ia menyimpan bekas-bekas yang digunakan olehnya untuk jualan susu, tetapi tidak termasuk sesuatu kedai dari mana susu tidak dibekalkan melainkan dihantar ke kedai itu atau ketempat yang lain, dalam bekas-bekas yang ditutup dengan sempurna dan tidak terbuka dalam mana susu dijual untuk kegunaan dipremis itu sahaja.

Larangan terhadap tempat makanan tanpa lesen

3. (1) Tiada Tempat dalam kawasan Majlis Daerah Tangkak boleh digunakan sebagai tempat makan kecuali dilesenkan oleh Yang Dipertua untuk maksud itu.

(2) Bayaran yang dikenakan bagi sesuatu lesen di bawah Undang-Undang Kecil ini hendaklah seperti yang ditetapkan dalam Jadual.

BAHAGIAN II

KEPERLUAN-KEPERLUAN AM BAGI SEMUA TEMPAT-TEMPAT MAKAN

Keperluan-keperluan am dalam bangunan

4. (1) Dinding mana-mana tempat makan yang dilesenkan di bawah Undang-Undang Kecil ini hendaklah dikemas-siapkan dengan permukaan yang licin yang mudah dan cepat dibersihkan tanpa terdapat sorotan-sorotan atau ceruk atau sudut yang mungkin mengumpul habuk.

(2) Lantai hendaklah dibuat daripada bahan yang tak telap air yang kuat, dikemas-siapkan dengan licin dan diratakan supaya semua bendalir dengan mudah ke dalam longkang.

(3) Longkang hendaklah dibina daripada bata yang dilapik dengan simen yang baik dengan dasarnya berbentuk separuh bulat ataupun dibuat dengan paip belah dua dari tembikar dari saluran-saluran paip tembikar separuh gilap, berukuran diameter tidak kurang daripada 15 sentimeter, dan bilangan dan cerunannya hendaklah mencukupi bagi membawa air dan bendalir yang lain. Longkang-longkang tersebut, kecuali yang melintasi kakilima, hendaklah ditutup hanya dengan papan mudah-alih atau lain-lain bahan atau hendaklah jangan ditutup oleh lekapan atau perabot berat. Longkang atau paip untuk hujan lebat atau air mandi atau najis atau benda-benda kumbahan selain dari paip kotoran yang telah dibina dengan sempurna tidak boleh diletak melintasi premis itu.

(4) Tiada bilik rehat, tempat tidur sekatan atau lantai "*mezzanine*" dibenarkan dimana-mana bahagian premis yang digunakan untuk apa-apa tujuan di mana lesen dikehendaki di bawah Undang-Undang Kecil ini kecuali dengan kebenaran bertulis daripada Yang Dipertua.

(5) Lantai di tingkat-tingkat atas tempat makan hendaklah diperbuat dari simen konkrit atau papan lantai berlidah dan berlurah atau bersambung dengan cara lain supaya kedap air.

(6) Hendaklah sentiasa boleh didapati di premis suatu perkhidmatan bekalan air yang bersih dan sempurna dari perbekalan air awam. Tangki air simpanan yang cukup yang dilindungi sewajarnya dari habuk, nyamuk, burung dan lain-lain kuman hendaklah disediakan.

(7) Pemegang lesen hendaklah pada masa yang tertentu yang diarahkan oleh Pegawai Kesihatan memindahkan dari tempat makan berlesen itu semua barang-barang yang mudah dialih, dan menyebabkan dinding, lantai, siling dan bumbung dibersihkan dengan sempurna atau dicat, dan dibuat semua pembaikan yang diperlukan kepada tempat makan, pemasangan dan perkakasan.

Keperluan-keperluan kebersihan

5. Pemegang lesen bagi sebarang tempat makan di bawah Undang-Undang Kecil ini hendaklah mematuhi keperluan-keperluan yang berikut—

- (a) Sampah sarap hendaklah dikumpul dan ditempatkan ke dalam bekas-bekas bertutup yang disediakan untuk maksud itu, dan semua bekas-bekas hendaklah dikosongkan dan dibersihkan selalu supaya tempat makan itu sentiasa bersih dan segar. Pembersihan itu sekurang-kurangnya sekali sehari;
- (b) Lantai tempat makan hendaklah dibasuh dan dibersihkan dengan bersih sekurang-kurangnya sekali setiap hari dan dindingnya berada dalam keadaan bersih;
- (c) Pakaian dan tilam bantal tidak boleh digantung atau disimpan atau dilonggokkan dalam mana-mana tempat makan kecuali dimana peruntukan-peruntukan yang cukup dibuat di tempat lain, almari atau laci yang sesuai dan mencukupi disediakan bagi menyimpan pakaian dan kasut yang tidak dipakai semasa bekerja bagi semua orang yang bekerja dalam tempat makanan;
- (d) Sesiapa yang bekerja ditempat-tempat makan yang dilesenkan di bawah Undang-Undang Kecil ini seperti dalam penyediaan atau memasak makanan hendaklah setiap masa dalam bekerja itu berpakaian bersih, menggunakan apron dan kain penutup kepala yang sesuai menutup rambut;
- (e) Sebuah bilik persalinan hendaklah disediakan untuk pekerja-pekerja;
- (f) Tiada siapapun boleh berludah dalam mana-mana bahagian tempat makan;
- (g) Notis 'Dilarang Meludah' dan 'Dilarang Mengemis' hendaklah dipamerkan di tempat makan itu sekiranya dikehendaki oleh Yang Dipertua.
- (h) Tiada sesiapa pun yang bekerja di mana-mana tempat makan secara sedar membiarkan adanya tikus-tikus, kuman, burung dan binatang hidup di mana-mana tempat makan; dan

- (i) Tiada sesiapa pun boleh membungkus atau sekiranya membawa mana-mana makanan yang telah disediakan dengan secara langsung menyentuh dengan mana-mana kertas yang bertulis bahan yang bercetak, kertas yang tidak atau bahan untuk membungkus.

Hanya satu perniagaan boleh dijalankan

6. Yang Dipertua boleh menurut budibicaranya enggan mengeluarkan sesuatu lesen di bawah Undang-Undang Kecil ini berkenaan mana-mana tempat makan yang telah pun dilesenkan untuk perniagaan yang lain.

Pengecualian

7. Yang Dipertua boleh menurut budi bicaranya mengecualikan mana-mana kantin dalam mana-mana tempat atau mana-mana tempat kerja yang dihaskan untuk kegunaan orang-orang yang bekerja di tempat atau tempat kerja ini atau mana-mana kelab yang dihaskan untuk kegunaan ahli-ahlinya dari mana-mana peruntukkan Undang-Undang Kecil ini.

Tempat tinggal yang bersih

8. (1) Pemegang lesen sesuatu tempat makan hendaklah menyediakan kemudahan tempat tinggal yang bersih dan cukup serta bilik persalinan bagi kegunaan orang-orang yang bekerja atau diambil bekerja di tempat makan itu. Tempat tinggal yang bersih dan bilik persalinan itu hendaklah diasingkan bagi lelaki dan perempuan.

(2) Tandas yang cukup sama ada jenis mangkok atau palung hendaklah disediakan bagi kegunaan orang-orang yang bekerja atau diambil bekerja di tempat makan itu.

Najis tidak boleh di bawa masuk ke tempat makan

9. Tiada sesiapa pun boleh membawa masuk, meletak atau membawa melalui mana-mana tempat makan, apa-apa najis atau apa-apa bekas air kencing atau najis.

Bekalan air panas

10. Melainkan dikecualikan oleh Yang Dipertua, sistem air panas yang cukup muatannya hendaklah dipasang dalam tiap-tiap tempat makan bagi menyediakan air panas yang cukup dan berterusan bekalannya bagi semua sinki dan lain-lain peralatan yang digunakan untuk membasuh bekas, perkakasan dan lain-lain alatan.

Besen basuh, sinki dan tandas awam

11. (1) Pemegang lesen sesuatu tempat makan hendaklah menyediakan besen basuh tangan dengan secukupnya diperbuat daripada tembikar bergerlis atau keluli tidak berkarat bagi kegunaan orang-orang yang terlibat dalam penyediaan, pengeluaran atau penjualan makanan dan hendaklah menjaganya supaya dalam keadaan baik setiap masa. Setiap besen basuh tangan hendaklah disediakan dengan sabun, berus, tuala yang bersih atau alat pengering.

(2) Hendaklah disediakan besen-besen basuh tangan yang secukupnya yang diperbuat dari tembikar bergerlis atau keluli tidak berkarat untuk kegunaan pelanggan-pelanggan.

(3) Hendaklah disediakan secukupnya tandas (mangkok atau palung) dan bilik air dengan sistem pam tarik automatik untuk kegunaan pelanggan-pelanggan dan ianya hendaklah sentiasa bersih dan dalam keadaan baik setiap masa dan diasingkan bagi lelaki dan perempuan.

Sinki dan pasangan yang bersih

12. Pemegang lesen sesuatu tempat makan hendaklah menyediakan sink yang cukup, pasangan yang bersih dan jumlah alat kelengkapan yang cukup muatannya untuk membolehkan semua alat-alat dan perkakas yang digunakan yang berhubung dengan tempat makan itu dibersihkan sebersih-bersihnya dan supaya kelihatan bersih.

Suntikan bagi orang yang bekerja di tempat makan

13. Tiada sesiapa pun boleh bekerja atau mengambil bahagian dalam mana-mana tempat makan kecuali ianya telah disuntik untuk menentang demam kumpulan "entric" dalam masa setahun sebelumnya.

BAHAGIAN III

KEPERLUAN-KEPERLUAN KHAS UNTUK TEMPAT MEMBUAT ROTI

Meja dan lain-lain hendaklah dibersihkan

14. Tiap-tiap pemegang lesen sesuatu kilang roti hendaklah menyebabkan setiap meja pembuat roti dan setiap alat digunakan untuk membuat roti dan setiap meja, para atau lain-lain perkakas yang digunakan untuk menempatkan roti, kuih-muih, biskut atau lain-lain bahan makanan di dalam atau di atasnya dibasuh dan dibersihkan dengan sempurna sekurang-kurangnya sekali setiap hari.

Peredaran udara

15. Setiap Pemegang lesen sesuatu kilang roti hendaklah menyediakan peredaran udara yang secukupnya di perusahaan roti itu, yang mana memuaskan hati Yang Dipertua dan hendaklah menyebabkan setiap alat peredaran udara itu dijaga dalam keadaan baik dan bergerak lancar.

Keadaan di tempat membakar roti

16. Setiap tempat membakar roti atau tempat dimana sesuatu "oven" pembakar roti ditempatkan hendaklah dibina dari bahan yang tidak mudah terbakar yang mana memuaskan hati Yang Dipertua dengan kedudukannya membolehkan peredaran udara keluar masuk dengan bebas serta tidak berkemungkinan menyebabkan kacauganggu atau bahaya kepada premis-premis yang berhampiran.

Langkah-langkah kesihatan awam hendaklah diambil di tempat-tempat membuat roti

17. (1) Tiada tempat pada paras yang sama dengan sesuatu tempat membakar roti dan yang membentuk sebahagian bangunan yang sama boleh digunakan untuk tujuan tidur atau memasak makanan.

(2) Tiada bilik-bilik rehat boleh dihubungkan terus dengan tempat pembakaran roti.

(3) Besen-besen basuh tidak boleh diletak dalam bilik-bilik di mana pembakaran roti dijalankan.

(4) Pada masa memindahkan dari tempat pembakaran, semua roti hendaklah dibungkus dengan rapi dalam bungkusan-bungkusan yang dilekat dengan sempurna dan tidak boleh bersentuh dengan apa-apa kertas atau apa-apa bahan-bahan lain yang tidak bersih.

(5) Walaupun semua roti, kek, biskut dan lain-lain makanan telah dibungkus dengan rapi, ianya tidak boleh diletak di atas lantai tetapi hendaklah diletakkan di atas meja-meja dalam talam-talam atau para-para atau pun bekas-bekas lain yang sesuai.

(6) Untukan yang cukup dan sesuai hendaklah diadakan dalam mana-mana tempat membuat roti untuk penerimaan dan penyimpanan roti yang telah dibakar.

(7) Tepung dan ramuan-ramuan lain hendaklah disimpan dalam bekas atau stor yang tidak boleh dimasuki tikus.

(8) Dinding kawasan penyediaan hendaklah dari jenis jubin bergerlis setinggi tidak kurang dari 1.5 meter.

(9) Pemegang lesen tidak boleh menggunakan atau membenarkan digunakan, dalam penyediaan apa-apa makanan, mana-mana meja, almari, bangku atau sebarang perabot seumpamanya yang permukaannya bersentuh dengan apa-apa makanan, kecuali permukaan itu diperbuat dari kayu keras bersambung rapat dan licin atau sesuatu bahan licin yang tidak telap air.

Tidur di tempat membuat roti dll. dilarang

18. Tiada sesiapa boleh duduk, berdiri, baring atau tidur di atas meja atau para dalam mana-mana tempat membuat roti.

BAHAGIAN IV

KEPERLUAN-KEPERLUAN KHAS UNTUK KEDAI MAKAN DAN KEDAI KOPI

Penudung yang tidak boleh masuk lalat

19. Setiap pemegang lesen sesuatu kedai makan atau kedai kopi dikehendaki menyediakan penudung-penudung yang tidak boleh dimasuki lalat atau almari-almari yang diluluskan untuk semua benda-benda makanan yang dihaskan untuk jualan, dan hendaklah sentiasa menggunakannya dalam kedai makan atau kedai kopinya.

Tidur di bilik makan dilarang

20. Pemegang lesen mana-mana kedai makan atau kedai kopi hendaklah tidak membenarkan bilik-bilik makan awam digunakan sebagai tempat tidur.

Meja-meja disediakan

21. Meja-meja hendaklah disediakan untuk kegunaan pelanggan-pelanggan. Bahagian atas meja itu hendaklah diperbuat daripada marmar atau kaca atau kayu yang diliputi di permukaannya dengan formika atau bahan-bahan lain yang diluluskan oleh Yang Dipertua.

Jenis api untuk memasak dll.

22. Kayu api atau arang tidak boleh digunakan untuk memasak atau memanaskan makanan di tempat menghidang atau dewan makan premis itu di mana orang awam boleh keluar masuk tetapi gas atau pemanas-pemanas elektrik boleh digunakan.

Langkah-langkah untuk kesihatan awam yang mesti dipatuhi

23. Tiada premis atau tempat boleh digunakan sebagai kedai makan atau kedai kopi kecuali syarat-syarat yang berikut dipatuhi—

- (a) lantai sesuatu kedai makan atau kopi hendaklah dikemas-siapkan dengan mozek atau terrazzo dan hendaklah sentiasa berada dalam keadaan bersih setiap masa melainkan dikecualikan oleh Yang Dipertua;
- (b) dinding dewan makan, dewan hidangan dan kawasan lain seperti yang dikehendaki oleh Yang Dipertua hendaklah diperbuat daripada jubin bergerlis setinggi tidak kurang dari 1.5 meter. Di dalam kes di mana kedai makan atau kedai kopi itu berhawa dingin, maka dinding-dinding sedemikian boleh diperbuat daripada kayu berpanel atau bahan-bahan lain yang permukaannya licin yang diluluskan oleh Yang Dipertua;
- (c) hendaklah disediakan besen-besen basuh tangan yang secukupnya yang diperbuat dari tembikar bergerlis atau keluli tidak berkarat untuk kegunaan pelanggan-pelanggan.
- (d) dinding bilik mandi, tandas dan bilik air hendaklah disediakan dengan jubin bergerlis setinggi tidak kurang 1.5 meter dan lantainya hendaklah diperbuat dari mozek atau terrazzo, melainkan jika dikecualikan oleh Yang Dipertua;
- (e) hendaklah disediakan secukupnya tandas (mangkok atau palung) dan bilik air dengan sistem pam tarik otomatik untuk kegunaan pelanggan-pelanggan dan ianya hendaklah sentiasa bersih dan dalam keadaan baik setiap masa dan diasingkan bagi lelaki dan perempuan.
- (f) dapur hendaklah dilengkapi dengan tudung asap dan cerobong yang sesuai dan dinding hendaklah dilengkapi dengan jubin bergerlis setinggi tidak kurang dari 1.5 meter. Lantai dapur hendaklah dikemas-siapkan dengan mozek atau jenis yang seumpamanya yang mana memuaskan hati Yang Dipertua;
- (g) dilarang membasuh peralatan memasak, pinggan mangkuk atau lain-lain bekas di tempat menghidang, kakilima, lorong belakang, lorong sisi atau di atas sesuatu longkang. Sinki basuh hendaklah disediakan untuk tujuan membasuh;

- (h) botol-botol kosong tidak boleh dilonggok atau disimpan di tempat menghidang, dewan makan atau lorong-lorong menuju ke belakang premis itu;
- (i) perjudian dalam bentuk apa sekalipun tidak boleh dijalankan atau ditonton dimana-mana bahagian premis itu;
- (j) makanan yang telah dimasak yang dikhaskan untuk jualan tidak boleh diletak di atas lantai dimana-mana bahagian premis itu;
- (k) setiap bahagian premis-premis termasuk tempat-tempat tinggal yang bersih, pemasangan dan perkakasan di sesuatu kedai makan kopi hendaklah dijaga kebersihannya dan berada dalam keadaan baik sepanjang masa;
- (l) hendaklah boleh didapati bagi tujuan pemeriksaan dalam mana-mana kedai makan sesuatu pelan lantai yang diluluskan oleh Yang Dipertua yang menunjukkan—
 - (i) ruang yang diperuntukkan bagi penyediaan makanan;
 - (ii) ruang yang diperuntukkan bagi memasak;
 - (iii) ruang yang diperuntukkan bagi menghidang makanan kepada pelanggan-pelanggan;
 - (iv) ruang yang diperuntukkan bagi membersihkan, mengering dan menyimpan alat perkakas; dan
 - (v) cara-cara menyimpan dan membuang sampah.

BAHAGIAN V

KEPERLUAN-KEPERLUAN KHAS UNTUK TENUSU

Kebersihan tenusu

24. (1) Setiap pemegang lesen hendaklah menyebabkan setiap bahagian dari mana-mana tenusu yang didudukinya dengan sempurna dari semasa ke semasa sebagaimana yang diperlukan untuk menentukan tenusu itu sentiasa bersih sepanjang masa yang mana memuaskan hati Yang Dipertua. Tenusu itu hendaklah diberus dan dicat putih atau dicat apabila dikehendaki oleh Yang Dipertua.

(2) Pemegang lesen hendaklah menyebabkan lantai tiap-tiap tenusu dibersihkan sebersih-bersihnya dan semua tahi bintang dan benda-benda kotor yang lain hendaklah dibuang dari tenusu itu seberapa kerap yang diperlukan tetapi tidak kurang dari sekali sehari.

(3) Pemegang lesen tidak boleh meletakkan atau menyimpan apa-apa susu dalam mana-mana bilik yang digunakan sebagai sesuatu bilik dapur atau sesuatu bilik rehat.

Bekas-bekas untuk jualan susu

25. Tiada susu boleh dibawa untuk jualan atau diedarkan dalam bekas-bekas yang terbuka. Bekas-bekas yang digunakan itu hendaklah dilengkapi dengan tudung-tudung yang bertutup rapat dan berkunci serta sebatang pancor diadakan di sebelah bawahnya di mana menerusinya susu dapat dikeluarkan untuk dijual secara runcit kepada pelanggan-pelanggan. Sekiranya susu itu diedarkan dalam tin-tin atau botol-botol, maka bekas-bekas itu hendaklah dilengkapi dengan tudung-tudung yang boleh ditutup dengan rapat.

Membersihkan bekas-bekas susu

26. Setiap bekas, tempat menyimpan atau alat yang digunakan untuk mengisi susu untuk jualan hendaklah dibersihkan dengan sempurna selepas digunakan dengan wap atau air didih yang bersih dan hendaklah dijaga supaya dalam keadaan bersih setiap masa.

Bekas-bekas tidak boleh digunakan untuk minum

27. Pemegang lesen hendaklah tidak menyebabkan atau membiarkan mana-mana binatang kepunyaannya atau di bawah pemeliharaannya diperah susu, kecuali semasa pemerahan itu binatang tersebut berada dalam keadaan betul-betul bersih mengikut piawaian yang ditetapkan oleh Jabatan Haiwan.

Penyakit di Premis-premis

29. (1) Adalah menjadi tanggungjawab setiap pemegang lesen menggunakan usaha dan kewaspadaannya untuk menentukan kehadiran penyakit di premis-premis tenusu itu dan menentukan sama ada penyakit itu dari jenis berjangkit atau menular dan dia adalah dianggap mengetahui tentang adanya penyakit itu, kecuali sehingga dibuktikan bahawa dia tidak dapat mengetahui dengan cara yang munasabah.

(2) Pemegang lesen tidak boleh membenarkan sesiapa yang menghidapi atau membawa sesuatu penyakit yang berjangkit atau menular atau baru sahaja berhubungan dengan orang yang berpengidapan sedemikian itu tinggal atau masuk ke premisnya atau memerah susu mana-mana binatang atau mengendalikan apa-apa bekas yang digunakan untuk memerah susu ataupun mengambil bahagian dalam apa jua cara sekalipun dalam urusan perniagaan yang sedemikian itu.

(3) Setiap pemegang lesen hendaklah dengan serta merta memberitahu secara bertulis kepada Yang Dipertua apabila terdapat sesiapa yang tinggal di rumah atau berada di premisnya mengidap apa-apa penyakit yang berjangkit atau menular.

(4) Setiap pemegang lesen hendaklah mengambil semua langkah-langkah yang munasabah dan tertentu berkaitan dengan pengendalian, penyimpanan dan pengedaran susu bagi mengelakkan terdedahnya susu kepada apa-apa jangkitan atau pencemaran.

(5) Sekiranya pada bila-bila masa berlakunya sesuatu penyakit berjangkit atau menular yang merbahaya kepada binatang atau manusia atau apa-apa penyakit tetek wujud dikalangan lembu kepunyaan pemegang lesen atau di kalangan binatang-binatang lain yang bergaul dengan lembu itu, ia hendaklah memberitahu perkara itu dengan segera kepada Yang Dipertua.

(6) Susu dari binatang yang berpenyakit atau dari mana-mana binatang yang berhubung atau bergaul dengan binatang yang berpenyakit dan susunya pada pendapat Yang Dipertua mungkin telah tercemar atau mungkin dicemar hendaklah-

- (a) tidak boleh dicampur dengan susu yang lain;
- (b) tidak boleh dijual sebagai makanan manusia; dan
- (c) tidak boleh dijual atau digunakan sebagai makanan bagi binatang-binatang lain kecuali dengan kebenaran Yang Dipertua.

(7) Jika Yang Dipertua berpendapat bahawa penyakit berjangkit itu disebabkan atau mungkin disebabkan oleh penggunaan susu yang dibekalkan dari mana-mana tenusu atau yang merbahaya atau mungkin membahayakan kesihatan awam akibat dari apa-apa tindakan atau keingkaran, mana-mana pemegang lesen, beliau boleh membuat sesuatu perintah bertulis memberhentikan bekalan, pengedaran atau jualan susu itu dan mana-mana pemegang lesen yang menduduki atau menggunakan tenusu yang berkenaan di mana perintah itu telah dibuat, hendaklah selepas itu jangan menjual atau menawarkan untuk jualan apa-apa susu yang dihasilkan dari tenusu itu selagi perintah itu masih berkuatkuasa.

BAHAGIAN VI PERUNTUKAN AM

Penalti

30. Sesiapa yang melanggar mana-mana Undang-Undang Kecil ini atau menubuhkan atau menggunakan mana-mana premis ataupun membenarkan ditubuhkan atau digunakan untuk mana-mana tujuan yang dinyatakan dalam Undang-Undang Kecil ini, adalah melakukan sesuatu kesalahan dan sekiranya sabit kesalahan boleh didenda tidak lebih daripada dua ribu ringgit atau penjara tidak lebih daripada enam bulan atau kedua-duanya sekali dan didenda selanjutnya tidak lebih daripada dua ratus ringgit bagi tiap-tiap hari selama kesalahan itu diteruskan selepas sabit kesalahan.

Pembatalan

31. Seksyen A, B, C dan F Bahagian VI Undang-Undang Kecil Lembaga Bandaran 1937, setakat mana yang dipakai kepada Majlis Daerah Tangkak dengan ini dibatalkan.

JADUAL
BAYARAN LESEN UNTUK TEMPAT-TEMPAT MAKANAN
[Undang-undang Kecil 3(2)]

Bil.	Jenis Tred Perniagaan dan Perindustrian	Bayaran Lesen Setahun RM
1.	Kedai Makan Kelas I (Berhawa dingin)– Restoran, Kafe, Bar, Pub, Lounge, Karaoke	738.00
2.	Kedai Makan Kelas II (Tidak berhawa dingin)– Restoran	384.00
3.	Kedai Makan Kelas III (Tidak berhawa dingin)	
	(a) Kantin kilang dengan keluasan kawasan–	
	(i) kurang daripada 140 m.p.s. (1500 k.p.)	276.00
	(ii) lebih kurang daripada 140 m.p.s. (1500 k.p.)	414.00
	(b) Kantin sekolah–	
	(i) Kantin sekolah rendah	207.00
	(ii) Kantin sekolah menengah	276.00
4.	Menyedia, membotol, mengetin, membungkus atau mengilang minuman ringan termasuk air lemond, air berkarbonet, air perisa, air ubat dan air mineral dengan keluasan lantai–	
	(i) kurang daripada 279 m.p.s. (3000 k.p.)	442.00
	(ii) lebih daripada 279 m.p.s. (3000 k.p.)	663.00
5.	Mengilang dan membotol kicap, sos dan cuka	442.00
6.	Pengusaha tenusu	442.00
7.	Kilang air batu	442.00
8.	Kilang ais krim	442.00
9.	Premis untuk menyimpan makanan/minuman dengan keluasan lantai–	
	(a) kurang 279 m.p.s. (3,000 k.p.)	442.00
	(b) melebihi 279 m.p.s. (3,000 k.p.)	663.00
10.	Penyajian makanan (Catering)	332.00
11.	Kilang membuat mi/mi hoon/kueteow dan vermecilli	442.00
12.	Kilang memproses kek dan roti termasuk biskut dan hasil-hasil roti	442.00
13.	Kilang gula-gula (confectionery)	442.00

Bil.	Jenis Tred Perniagaan dan Perindustrian	Bayaran Lesen Setahun RM
14.	Kilang memproses tepung, serbuk rempah kari, beras dan lain-lain bentuk tepung dan hasil sampingannya	346.00
15.	Kilang serbuk kopi	442.00
16.	Menyedia, memproses atau membungkus minyak boleh dimakan dan lemak termasuk minyak sapi, lemak haiwan, lemak beku, minyak kelapa, minyak kelapa sawit, minyak bijan dan minyak kacang tanah	663.00
17.	Menyedia, memproses, membungkus dan mengedar makanan yang belum dimasak	442.00
18.	Menapis gula atau membuat gula melaka	442.00
19.	Menyedia, memproses, membungkus dan mengedar air dari buah-buahan, seperti jus, cordial, squash dan pati buah-buahan	442.00
20.	Menyedia, memproses, membungkus dan mengedar daging dan hasil daging, hasil laut dan makanan hasil laut termasuk hasil tumbuh-tumbuhan	442.00
21.	Menyedia, memproses, membungkus dan mengedar acar, buah-buahan jeruk dan sayur-sayuran jeruk termasuk dari hasil laut	442.00
22.	Menyedia, memproses, membungkus dan mengedar, pati daging dan sayur-sayuran	442.00
23.	Kilang Coklat	442.00
24.	Membuat, menyuling, mencampur, membotol, mengetin minuman yang memabukkan	663.00
25.	Menyedia, memproses, membungkus dan mengedar makanan dingin beku	442.00
26.	Menyedia, memproses, membungkus dan mengedar perisa makanan, pewarna makanan dan bahan awet makanan	442.00
27.	Menyedia, memproses, membungkus dan mengedar— (i) Jem, cendol atau lengkong; (ii) Susu dank krim termasuk bancuhan susu tepung dan krim; (iii) Susu tepung;	442.00

<i>Bil.</i>	<i>Jenis Tred Perniagaan dan Perindustrian</i>	<i>Bayaran Lesen Setahun RM</i>
	(iv) Telur kering, tepung telur;	
	(v) Bahan-bahan makanan bercampur mengandungi susu atau tepung telur;	
	(vi) Sebarang hasil yang boleh dimakan yang dibuat daripada kacang, kacang tanah, Kelapa dan kekacang dan kekeras lain yang melibatkan satu proses selain daripada proses mengering atau memasak yang mudah;	
	(vii) Mentega, keju dan majerin;	
	(viii) Mentega kacang tanah;	
	(ix) Makanan hasil susu termasuk yogurt dan susu kultur.	
28.	Menyedia, memproses, mengetin, membotol dan mengedar sebarang makanan di dalam bekas yang kedap udara	442.00
29.	Gerai dalam kedai makan, pawagam atau premis berlesen lain	192.00
30.	Pengedar atau ejen air batu, ais krim dan minuman ringan	442.00
31.	Menjual gula-gula, ais krim dan minuman ringan dari mesin berbayar	123.00 (Satu mesen)
32.	Menyimpan makanan sejuk beku dalam bentuk daging dan hasil daging, makanan hasil laut dan hasil laut, sayur dan buah- buahan	442.00
33.	Kedai buah-buahan/sayur-sayuran	260.00
34.	Kedai runcit/kedai barang	330.00
35.	Menjual makanan segar	330.00
36.	Mengedar atau menjual semua jenis minuman memabukkan	663.00
37.	Sebarang kilang makanan atau premis makanan yang tidak dinyatakan dalam jadual ini	442.00
38.	Membuat atau memproses sebarang bentuk makanan yang tidak dinyatakan dalam Undang-undang Kecil ini	442.00

<i>Bil.</i>	<i>Jenis Tred Perniagaan dan Perindustrian</i>	<i>Bayaran Lesen Setahun RM</i>
39.	Membuat, memproses sagu, ubi kayu dan hasil sampingannya	442.00
40.	Mengawet ikan atau membuat baja	442.00
41.	Mengering atau menggaram ikan	442.00
42.	Menyimpan kelapa kering	442.00
43.	Kedai ubat	346.00
44.	Kilang minyak hasil dari kelapa, kelapa sawit atau apa-apa tumbuhan atau haiwan	442.00
45.	Ladang ternakan haiwan untuk dagangan	663.00
46.	Kilang membuat makanan haiwan	730.00

Bertarikh 4 April 2017
[MDT/UU10/2/1(2)]

EZHAR BIN ABU SAIRIN
Yang Dipertua
Majlis Daerah Tangkak

Disahkan pada 7 Jun 2017
[KT. 24/69 JLD. 12(23); PUNJ.BIL. (PU2)7 Jilid 4(8)]

SHUBANAH BINTI YUSUF
Jurutulis Majlis Mesyuarat Kerajaan
Johor

LOCAL GOVERNMENT ACT 1976

CONTROL AND SUPERVISION OF FOOD ESTABLISHMENTS (TANGKAK DISTRICT COUNCIL) BY-LAWS 2017

